

## Pemikiran Islah Dato' Yusoff Zaky Yacob Mengenai Kesedaran Islam Menerusi Majalah Pengasuh

Dato' Yusoff Zaky Yacob's Thoughts on Islamic Awareness Through Pengasuh Magazine

MOHAMAD FIRDAUS MOHAMMAD, ENSKU AHMAD ZAKI ENSKU ALWI & RUHAIZAN SULAIMAN

### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan pemikiran islah Dato' Yusoff Zaky Yacob mengenai kesedaran Islam menerusi majalah Pengasuh. Fokus utama adalah terhadap pemikiran Islah Dato' Yusoff Zaky Yacob kepada masyarakat Melayu Kelantan. Pendedahan yang diterima oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob terhadap penulisan majalah Pengasuh yang ditulis oleh Tok Kenali dan Haji Abdullah Tahar telah membentuk suatu alternatif seni berfikir secara modernis mengikut fahaman Islam yang sebenar pada pertengahan abad ke-20. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi pengumpulan dan analisis data daripada sumber primer yang diperolehi daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) seperti majalah Pengasuh. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal dan buku bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Data yang diperolehi dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang sebenar berkenaan kajian yang dilakukan. Pengkaji menggunakan kaedah pendekatan sejarah dengan menggunakan kaedah tema supaya kajian lebih tersusun dan berbentuk analitikal. Hasil kajian ini mendapati bahawa Dato' Yusoff Zaky Yacob mampu menterjemahkan bentuk pemikiran islah menerusi penulisan majalah Pengasuh dengan mengutamakan kepentingan terhadap menuntut ilmu agama dan pendidikan. Dato' Yusoff Zaky Yacob berupaya memberikan kesedaran mengenai agama Islam dan kesedaran sosial kepada masyarakat Melayu di Kelantan menerusi majalah Pengasuh sebagai salah satu medium utama dalam membentuk pemikiran islah bersandarkan kepada fahaman Islam yang sebenar.*

*Kata kunci: Pemikiran; islah; Dato' Yusoff Zaky Yacob; kesedaran Islam; Majalah Pengasuh*

### ABSTRACT

*This paper discusses Dato' Yusoff Zaky Yacob's islah thoughts on Islamic awareness through the Pengasuh magazine. The main focus is on Islah Dato' Yusoff Zaky Yacob's thoughts about the Malay community of Kelantan. The exposure Dato' Yusoff Zaky Yacob received from the writings in the Pengasuh magazine, authored by Tok Kenali and Haji Abdullah Tahar, formed an alternative art of modernist thinking based on a true understanding of Islam in the middle of the 20th century. This study uses a qualitative method that includes the collection and analysis of data from primary sources obtained from the Islamic Religious and Customs Council of the State of Kelantan (MAIK), such as the Pengasuh magazine. In addition, secondary sources are also used, such as journals and books, to further strengthen the research conducted. The data obtained is analyzed to acquire accurate information about the research conducted. The researcher uses a historical approach by using the theme method so that the study is more structured and analytical. The results of this study found that Dato' Yusoff Zaky Yacob was able to translate Islamic thinking through the writing of the Pengasuh magazine by emphasizing the importance of studying religion and education. Dato' Yusoff Zaky Yacob was also able to raise awareness among the Malay community in Kelantan through the Pengasuh magazine, which was one of the main mediums for shaping Islamic thinking based on a true understanding of Islam.*

*Keywords: Thought; Islah; Dato' Yusoff Zaky Yacob; Islamic awareness, Pengasuh Magazine*

### PEMIKIRAN ISLAH MENGENAI TOKOH

Sebagaimana jalur masa yang berjalan pada setiap detik, maka begitu juga dengan keadaan bentuk pemikiran Dato' Yusoff Zaky Yacob mengenai pemikiran islah yang telah disumbangkan oleh

ulama pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 seperti Tok Kenali atau Muhamad Yusuff bin Ahmad dan Haji Abdullah Tahar. Banyak perkara yang cuba dianalogikan dalam bentuk penulisan menerusi majalah *Pengasuh*. Keberadaan idealogi yang telah dipamerkan oleh kedua ulama ini jelas memberi

rentak dan kesan dalam membentuk pemikiran Dato' Yusoff Zaky Yacob yang melibatkan persoalan identiti dan ketuhanan.

Identiti dan persoalan ketuhanan kepada masyarakat Melayu Kelantan banyak diketengahkan menerusi penulisan majalah *Pengasuh* (Dato' Seri Paduka Raja Kelantan 1918). Maka melalui kitaran masa dari zaman Tok Kenali inilah, pada hemat Dato' Yusoff Zaky Yacob berpendapat bahawa perlunya diberikan gambaran dan kesedaran kepada pembacanya baik dalam kalangan ahli majlis Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan (MAIK) sebagai intipati idealogi yang dapat diberikan menerusi pembacaan langsung kepada mereka, malah dapat diutarakan kepada pembaca awam tentang bagaimana agama Islam mampu membentuk dan merealisasikan persoalan manusia mengenai aspek ketuhanan dalam bentuk sosialisme Islam (Yusoff Zaky Yacob 1975). Wajaran mengenai pemikiran islah ini adalah sebagai satu kelengkapan sosial yang perlu diperturunkan kepada sidang pembaca dan generasi akan datang sekiranya amanat ini diketepikan, maka diibaratkan mandat tuhan ini tidak dilaksanakan dengan baik kepada masyarakatnya. Sentimen islah ini wajar dimurnikan kembali sepertimana yang dianjurkan oleh Islam mengikut keadaan dan kesatuan sosial masyarakat Melayu.

Agama Islam dan kesedaran mengenai islah adalah salah satu hubungan *bilateral* yang cuba diwujudkan oleh golongan ahli agama terdiri daripada Tok Kenali dan Haji Abdullah Tahar (Yusoff Zaky Yacob 1975). Walaupun adanya guru-guru agama yang menyebarkan pengetahuan Islam, namun pengaruh daripada dua ulama besar Kelantan inilah yang mendukung cara berfikir Dato' Yusoff Zaky Yacob selama berkecimpung bersama majalah *Pengasuh*. Peranan daripada dua ulama ini menjadi pemangkin kepada percambahan pemikiran Dato' Yusoff Zaky Yacob dalam memurnikan idea islah agama Islam menerusi kaedah penulisan. Penulisan yang dinukilkan oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob bertujuan untuk mencari makna kebenaran dan keberadaan sebagai seorang hamba kepada Tuhan. Hal ini jelas telah menggambarkan bahawa tujuan sebenar Tok Kenali mengenai keadaan sekeliling mampu mempengaruhi ruang dan masanya dalam usaha untuk menerbitkan sebuah majalah *Pengasuh*. Dengan harapan dapat menyantuni pemikiran masyarakat Melayu pada ketika itu yang masih mencari makna dalam soal ketuhanan. Daripada kenyataan inilah, Yusuf Zaky Yacob cuba

interpretasikan dakwaan asal Tok Kenali dalam konteks yang lebih ringkas selepas 57 tahun daripada penerbitan asalnya pada tahun 1918.

“Telah mengakulah saya bahawa saya ini tiada daripada kuda medan ini. Sekiranya jika ada orang yang mengangkat perkerjaan saya ini terhentilah saya, kerana bukan tujuannya saya hendak menunjukkan kebijakan dan mencari kepujian, kerana adalah orang yang mengarang itu jadi kikit bagi sekalian penembak. Jika tidak ia pejam matanya nescaya mati ia kerana dukacita, tetapi adalah dituntut daripada seseorang itu manfaatnya atau mudharatnya, beranilah saya menceburkan diri di dalam laut api yang sentiasa bernyala-nyala. Selama ada angan-angan yang baik itu tiadalah puas hati saya mati sebelum saya lihat perubahan yang baru dan elok.”

(Yusoff Zaky Yacob 1975)

Penerapan idea islah ini merangkumi ruang dan masa yang berlaku pada ketika itu, menerusi kenyataan yang dibuat oleh Tok Kenali, maka Dato' Yusoff Zaky Yacob cuba menitipkan satu gambaran awal tentang bagaimana kehidupan Tok Kenali pada dasarnya seorang *proletariat* kepada *borjuis* Islamis dalam masa yang singkat pada awal tahun 1900-an. Namun naratif ini mula dibentuk diusia muda oleh bapanya, maka inilah satu implikasi yang telah diperoleh oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob pada persoalan islah. Pemurniaan agama dan kesatuan sosial ini adalah perkaitan yang menjadi keutamaan bagi Tok Kenali yang cuba memenuhi tradisi dengan cara moden. Pendekatan islah yang dianjurkan oleh Tok Kenali adalah bertepatan dengan keadaan semasa di Kelantan pada ketika itu. Oleh sebab inilah, pemurnian pemikiran ini mestilah dipupuk dalam kepelbagaian bentuk supaya menjadi suatu asuhan yang baik kepada generasi akan datang. Naratifnya sudah dimulakan dengan penglibatan Dato' Yusoff Zaky Yacob sendiri, apabila mengambil inisiatif dengan mengembangkan idea islah menerusi majalah *Pengasuh* yang bersandarkan kepada pemikiran ulama Kelantan (Yusoff Zaky Yacob 1975). Maka tujuan utama Dato' Yusoff Zaky Yacob adalah untuk memurnikan kembali gambaran dan kehidupan Tok Kenali yang banyak menerapkan nilai *humanisme* dan kesatuan sosial seperti yang dianjurkan oleh agama Islam sebagai suatu panduan kepada pembacanya terutama kepada masyarakat Melayu Kelantan (Yusoff Zaky Yacob 1975).

Berdasarkan pesanan yang dinukilkan oleh Tok Kenali mengenai tujuan asalnya adalah bertujuan sebagai satu ingatan bahawa agama Islam menuntut kepada sikap amanah dan secara bijaksana dalam membuat sesuatu keputusan baik untuk dirinya mahupun untuk kepentingan agama Islam

(Muhammad Yusoff Kenali 1918). Sifat sederhana yang dipamerkan oleh Tok Kenali ini merupakan daya usaha berterusan sebagai pemula kepada perkembangan majalah *Pengasuh*. Dato' Yusoff Zaky Jacob cuba menyampaikan risalah mengenai tulisan ini sebagai ingatan kepada pembacanya biarpun tulisan yang ditulis oleh Dato' Yusoff Zaky Jacob ini sebenarnya telah ditulis sendiri oleh Tok Kenali dalam edisi pertama majalah *Pengasuh* pada tahun 1918 (Tok Kenali 1918). Edisi ini menceritakan tentang kebenaran majalah *Pengasuh* yang diyakini akan menjadi pemangkin kepada perubahan iktikad masyarakat Melayu ke arah yang lebih baik.

Seruan ini (Muhammad Yusoff Kenali 1918) merupakan gambaran kepada Dato' Yusoff Zaky Jacob pada zamannya untuk disebarkan kembali kepada pembacanya dengan memetik kembali kenyataan Tok Kenali sebagai suatu ingatan sosial yang mendukung kepada kebersamaan sosial. Maka selepas daripada 57 tahun, seruan daripada Tok Kenali ini diterbitkan kembali sebagai catatan ulama dan dianggap sebagai panduan untuk menganalisis tentang pemikiran yang berteraskan kepada humanisme menerusi kesatuan sosial. Perkembangan agama Islam mungkin berbeza mengikut naratif pemikiran umatnya terutama masyarakat Melayu Kelantan 1970-an. Persoalan dasar yang cuba dikembangkan oleh Dato' Yusoff Zaky Jacob adalah bagaimana agama Islam ini mampu bertahan hanya sebagai Islam baka atau sebagai perintis yang lebih baik untuk generasi akan datang (Kassim Ahmad 1986).

Penterjemahan pemikiran ini sama seperti melakukan aktiviti bermonolog menerusi penulisan, kerana penulisan ini tidak pernah lupus, tidak berbayar dan tidak dimakan usia. Maka daripada sebab inilah adanya pemikiran islah mengenai tokoh dan ulama seperti Tok Kenali. Wacananya menjadi panduan biarpun itu hanyalah percikan nas dan dalil daripada pemikirannya pada ketika itu. Perbezaan pemikiran inilah menjadi asbab kepada Dato' Yusoff Zaky Jacob untuk mengamati pemikiran islah Tok Kenali bersandarkan kepada majalah penerbitan *Pengasuh*.

Penelitian Dato' Yusoff Zaky Jacob juga berkait rapat dengan teras konsep *ad-din* (الدين) dan kesatuan sosial. Teras kesatuan sosial ini juga pernah diperincikan oleh Tok Kenali menerusi penulisan dalam majalah *Pengasuh* sebagai suatu propaganda awal kepada masyarakat Melayu (Yusoff Zaky Jacob 1975). Maka dengan adanya pemikiran islah ini dapat mewujudkan suatu komuniti Melayu yang

berdaya saing dan dapat memikirkan pernyataan masalah yang sering berlaku terutamanya melibatkan hal ehwal agama Islam dan kepentingan umat Islam di Kelantan. Identiti yang dipamerkan oleh Tok Kenali ini jelas menekankan tentang konsep *ad-din* (الدين) dalam setiap penulisannya, idea ini adalah salah satu bentuk pemikiran yang ingin dilaksanakan secara berterusan walaupun Tok Kenali sudah sedia maklum tentang kesan penerapan ideanya terhadap masyarakat Melayu. Agama Islam tidak membezakan penganutnya dengan tindakan namun bertujuan untuk mentauhidkan Tuhan dan mengkaji tentang kewujudan Tuhan seperti yang dianjurkan oleh Tok Kenali. Oleh hal demikian, maka apa yang dibangkitkan oleh Dato' Yusoff Zaky Jacob inilah sebagai panduan asas yang telah disediakan oleh Tok Kenali sendiri, sedia maklum bahawa Tok Kenali mempunyai nilai-nilai pembaharuan dalam menyampaikan agama Islam mengikut kehendak agama Islam menerusi kaedah penulisan. Majalah *Pengasuh* adalah salah satu wacana baharu yang diciptakan oleh Tok Kenali mengikut kehendak Islam, maka pada hemat Dato' Yusoff Zaky Jacob, pemikiran sebegini adalah layak untuk diangkat sebagai satu kaedah perjuangan baharu bagi memperjuangkan kebenaran agama Islam dan patut dikembangkan pula pada dekad-dekad hayatnya (Yusoff Zaky Jacob 1975).

Dalam masa yang sama, Dato' Yusoff Zaky Jacob juga cuba memperkenalkan tokoh lain yang mempunyai pemikiran sama seperti Tok Kenali iaitu Haji Abdullah Tahar. Sungguhpun daripada minat yang mendalam, maka tidak hairanlah Haji Abdullah Tahar juga berasal daripada golongan ahli agama yang juga merupakan anak murid tua Tok Kenali. Kebijaksanaan Haji Abdullah Tahar ini dikembangkan dari segi doktrinisasi pemikiran keagamaan secara mutlak dengan meletakkan kepakaran dalam bidang ilmu fekah sebagai teras kekuatan islah nya (Yusoff Zaky Jacob 1975). Maka gerakan islah yang disampaikan secara lisan ini sebagai *niche* dalam menyebarkan bentuk pemikirannya menerusi ilmu fekah. Mendapat pendedahan awal semasa kecil di Mekah memberikan kelebihan kepada Haji Abdullah Tahar untuk bermonolog secara lisan kepada pengikutnya. Monolog yang disampaikan ini bukan sahaja dipengaruhi semasa berada di Mekah dan Tok Kenali malah ideanya turut mempengaruhi pemikiran Dato' Yusoff Zaky Jacob pada dekad 1970-an (Tok Kenali 1918).

Dato' Yusoff Zaky Yacob cuba mengembangkan idea-idea ini menerusi monolog yang diciptakan olehnya menerusi penulisan dalam majalah *Pengasuh* pada tahun 1975. Keabsahan bagi Dato' Yusoff Zaky Yacob untuk mengangkat kembali pemikiran islah ini didorong oleh kedua-dua tokoh ini yang menjadi pemangkin kepada pengembangan naratif baharu ini. Pada hematnya, naratif pemikiran mengenai islah wajar dikembangkan oleh kerana berlakunya perkembangan teknologi seperti adanya majalah *Pengasuh* (Mohd Safar Hashim 2012) dan kesedaran masyarakat Melayu yang memungkinkan untuk berfikir kepada persoalan fungsi agama dan tujuan kehidupan beragama. Naratif pemikiran mengenai islah inilah yang menjadi sandaran kepada Dato' Yusoff Zaky Yacob dengan mengangkat dua tokoh ini, maka persoalan tentang adanya pembaharuan dalam agama Islam ini adalah tindakan yang patut diteruskan kembali oleh generasinya dan generasi akan datang sehingga kini. Sekiranya riwayat itu sudah tiada, namun jiwanya tentang kesedaran terhadap kehidupan beragama masih lagi dibentuk oleh pemikiran, nas, dalil daripada al-Quran dan hadis. Kebenaran agama Islam tidak akan dapat dibentuk sekiranya tiada jalan-jalan kepada penyebaran agama sepertimana firman tuhan yang Maha Mengetahui dalam surah al-Fatihah yang bermaksud "menuju ke jalan yang benar" (Al-Fatihah 1:4). Tuhan telah menetapkan kepada jalan selamat untuk dicapai, maka tugas itu diserahkan kepada para Rasul-Nya seterusnya diteruskan kembali oleh alim ulama dalam memberi kesedaran mengenai Islam. Beginilah interaksi monolog yang cuba disampaikan oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob kepada pembacanya khususnya masyarakat Melayu di Kelantan dengan membentuk naratif baharu. Majalah *Pengasuh* merupakan antara majalah yang mendapat sambutan dan pengiktirafan daripada pembacanya, nescaya dengan adanya majalah ini yang berusia 57 tahun ini dijadikan sebagai pemangkin kepada penyebaran agama Islam secara saksama.

Walau bagaimanapun, Dato' Yusoff Zaky Yacob menerangkan ideanya dalam bentuk yang lebih ringkas dan mudah difahami oleh pembacanya menggunakan gaya bahasa Melayu yang mudah tanpa kiasan yang boleh mengelirukan pembaca. Dato' Yusoff Zaky Yacob mengambil inisiatif daripada ketokohan Tok Kenali dan Haji Abdullah Tahar sebagai kaedah penyelesaian dalam mereformasikan kembali cara penyampaian agama Islam dengan sebaik mungkin. Dato' Yusoff

Zaky Yacob menggunakan dua elemen berkenaan kesatuan sosial sebagai teras penyampaian mesej mengenai agama Islam iaitu kesatuan sosial Islam dan kesatuan sosial dalam pendidikan (Yusoff Zaky Yacob 1975). Kedua-dua elemen ini adalah kaedah utama yang digunakan olehnya sebagai asas untuk menggantikan fungsi kenabian yang telah dijalankan oleh Tok Kenali dan Haji Abdullah Tahar.

#### KESEDARAN KESATUAN SOSIAL MENGENAI ISLAM

Keadaan masyarakat Melayu pada ketika itu merupakan asbab utama kepada Dato' Yusoff Zaky Yacob dalam memurnikan kembali lahiriah kehidupan beragama. Melayu dan Islam bukanlah takdir untuk disatukan, namun adalah kerana Islam itu sendiri yang telah melengkapkan proses desentralisasi pemikiran yang berubah daripada amalan dan adat tradisi Melayu-Hindu kepada cara hidup Islam. Pengislaman Raja Kecil Besar melalui mimpi merupakan suatu perubahan dalam doktrin pemikiran dan pemahaman mengenai Islam pada perkara asas agama berkenaan dengan solat. Hal ini didukung menerusi catatan yang ditulis oleh W.G Shellabear dalam *Sulalatus Salatin* seperti demikan

"...Saiyid Abdul Aziz namanya, lalu ia sembahyang di pantai Melaka itu. Maka hairanlah segala orang Melaka melihat dia. Maka kata segala orang Melaka, "Mengapa ia tunggang-tonggek?"

(W.G Shellabear 2016)

Keberadaan Islam sentiasa menjadi tanda tanya kepada masyarakat Melayu pada ketika itu, namun dengan adanya guru dalam mengajarkan tentang agama Islam maka Islam ini akan dapat dikembangkan secara telus yang dapat memupuk nilai kebersamaan walaupun pada awalnya masih bertanyakan sesama mereka sendiri apa itu Islam dan siapa Tuhan. Daripada tujuan itulah, kegiatan menimba ilmu pengetahuan adalah salah satu kaedah yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu dalam mendapatkan jawapan daripada persoalan ketuhanan. Maka pada akhir abad ke-20, Dato' Yusoff Zaky Yacob menjalankan fungsi kenabian ini dengan menyampaikan pengetahuan Islam menerusi majalah *Pengasuh*. Umat Islam sedia mengetahui bahawa apa itu Islam dan siapa Tuhan yang Esa, namun kesedaran mengenai Islam ini masih lagi belum kukuh untuk dijadikan sebagai wacana dalam memahami agama Islam. Naratif inilah yang menjadi suatu persoalan kepada Dato'

Yusoff Zaky Jacob untuk memurnikan kembali perkaitan antara falsafah Islam dan kesatuan sosial, bila mana perkara ini juga mempunyai hubungan yang baik untuk dimurnikan. Keberadaan majalah *Pengasuh* di Kelantan telah memberikan ruang dan masa kepada Dato' Yusoff Zaky Jacob untuk bermonolog tentang histografi Islam menerusi perkara solat sebagaimana demikian,

“Kini seruan azan yang sungguh kudus itu masih lagi bergema dalam jiwa kita dan pengertian-pengertian yang tinggi terus meresap dan merangsang fikiran dan perasaan murni kita yang membangunkan cita-cita dan keazaman-keazaman suci untuk tetap teguh di atas jalan Allah. Azan bukannya semata-mata seruan dan panggilan sahaja, tetapi ia merupakan deklarasi-deklarasi abadi yang mengatasi deklarasi-deklarasi manusia, deklarasi yang tidak reput dek zaman, deklarasi yang melambangkan suara Allah yang memanggil pulang kepangkuannya yang rahman dan rahim”

(Dato' Yusoff Zaky Jacob 1977a)

Penelitian daripada apa yang disampaikan oleh Dato' Yusoff Zaky Jacob ini amat jelas bahawa agama Islam merupakan sebuah doktrin pemikiran yang berteraskan ketuhanan monoteisme. Doktrin ini jelas telah diperkemas dengan amalan seperti solat lima waktu yang merupakan asas pertalian dalam membentuk rangkaian kesatuan sosial dalam ummah dan masyarakat Melayu. Maka falsafah ini adalah idealisme daripada Tuhan Maha Esa kepada kita sebagai umatnya dan dilaksanakan secara berterusan menerusi solat. Azan dan solat adalah seruan yang sering dikumandangkan bersama dalam waktu-waktu yang berbeza supaya manusia akur bahawa setiap pekerjaan di dunia ini mempunyai limitasi yang terbatas. Pekerjaan hakiki manusia adalah dengan diseliakan melalui solat agar menjadi suatu penanda aras dalam memahami apa itu Islam secara harafiahnya. Falsafah dan rasionalisme yang terdapat di dunia ini terbentuk daripada konflik antara sesama manusia, apabila terdapat perbezaan kelas sosial maka adanya konflik yang melibatkan persoalan hak dan keistimewaan dalam sesuatu perlembagaan mahupun komuniti sosial. Konflik yang terjadi di Eropah ini merupakan salah satu daripada peristiwa yang diperjuangkan oleh Karl Marx sebagai seorang sosialis dalam masyarakatnya dengan menentang golongan borjuis. Kesedaran dalam menentukan kebenaran ini jelas dapat difahami tentang bagaimana Islam mampu menyatukan kesemua golongan antara mukalaf dan mualaf dalam bentuk kesatuan sosial terpimpin.

Perjanjian dan taat setia yang dibuat melalui ungkapan syahadah menjadi antara aspek utama

melibatkan pengakuan dan pengiktirafan bahawa ummah Islam telah diberikan suatu perlindungan daripada Tuhan menerusi agama Islam (Al-Maidah 16). Dalam masa sama juga, nilai-nilai murni telah disebarkan secara meluas melalui kaedah solat. Maka falsafah dan idealisme Islam ini adalah mesej yang telah disampaikan oleh para anbiya melalui teks berkanun khas daripada Tuhan terdiri daripada kitab Taurat, Zabur, Injil dan Al-Quran. Kesemua teks ini menyampaikan kekuasaan dan ajaran yang sebenarnya mengikut zaman, keadaan dan ruang masa pada ketika itu. Maka kesejahteraan agama Islam ini mula dikembangkan melalui solat menerusi seruan mesej yang disampaikan oleh Nabi Muhammad ﷺ. Kesejahteraan agama Islam ini dipaksakan kepada bentuk aktiviti keagamaan yang terbina daripada sifat kebersamaan dalam kalangan masyarakat Melayu. Institusi agama memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan bentuk pemikiran yang murni bersandarkan kepada konsep wasatiyah. Agama Islam mengajarkan kita supaya sentiasa bekerjasama dan bertoleransi sesama manusia yang mana perkara ini adalah asas bagi membentuk sifat dan leluhur *humanisme*. Oleh sebab inilah, Dato' Yusoff Zaky Jacob bertindak memurnikan pemahaman agama Islam menerusi kaedah pembujukan dan penyampaian dalam teks. Lahiriah manusia suka membaca telah mendorong masyarakat Melayu cakna dengan keberadaan penulisan seperti majalah *Pengasuh* yang bersifat keagamaan. Kesedaran mengenai idea islah dan Islam ini telah membentuk satu wacana bahawa setiap kehidupan di dunia ini telah tercatat dalam catatan azali-Nya lagi. Namun, penjelasan kepada kesungguhan dan semangat juang ini perlu dilaksanakan oleh ummah Islam itu sendiri.

Perbezaan agama Islam dan agama Kristian ini dapat dirangkumkan sebagai agama monoteisme, namun cara perjalanan, pengiktirafan dan pelaksanaannya ini jelas amat berbeza walaupun kesemua daripada ini adalah milik-Nya. Kepercayaan mengenai kebenaran agama wajarlah didukung dengan sifat tauhid yang melibatkan zat Allah, maka apabila adanya perbezaan dalam memahami agama berlaku dalam kalangan penganut-Nya, dengan mudahnya memberi penolakan kepada kebenaran agama Islam. Nabi Muhammad ﷺ telah menyampaikan segala risalah keagamaan kepada umatnya melalui sebaran dakwah secara berfasa. Namun kebenaran agama Islam ini adalah pada sifatnya iaitu dengan mentauhidkan diri kepada yang Maha Esa. Peredaran zaman telah

mbolehkan Islam disebarikan melalui kelebihan dan kebijaksanaan sarjananya. Pada akhir abad ke-20, maka majalah *Pengasuh* merupakan saluran yang utama untuk mengembangkan pengetahuan agama Islam dengan sebenar-benarnya. Dato' Yusoff Zaky Jacob jelas dalam penulisannya seperti demikian

“walaupun kata-kata azan itu begitu ringkas namun ia merangkumi prinsip-prinsip akidah yang kukuh. Ia dimulakan dengan “Allahuakbar” yang mengumumkan kewujudan Allah dengan sifat-sifatnya yang sempurna, kemudian diiringi dengan kalimah syahadah yang menegakkan kepercayaan tauhid dan menolak sebarang kepercayaan berbilang tuhan dan mengumumkan Nabi Muhammad ﷺ sebagai rasulnya, kemudian diikuti pula dengan “Haiyaala Solat” yang mengajak kepada menjunjung perintah Allah, kemudian pula dengan “Haiyaala Falah” yang menyeru kita ke arah hidup akhir yang kekal abadi dan setelah itu ditekankan pula dengan mengulangi ucapan “Allahuakbar” dan “Laillahaillah”

(Dato' Yusoff Zaky Jacob 1977)

Secara jelas apa yang ingin disampaikan oleh Dato' Yusoff Zaky Jacob bahawa agama Islam telah menetapkan identitinya sendiri mengenai apa itu Islam dan keberadaan identiti ini telah dilengkapi dengan setiap peranan yang dikhususkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad ﷺ seterusnya diperturunkan dengan kaedah solat sebagai salah satu gerak kerja yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Kalimah azan yang dikumandangkan ini sekiranya di terjemahkan dalam bentuk sosialisme dapat ditafsir sebagai perjanjian mutlak antara Tuhan dan hambanya. Perjanjian mutlak ini tidak memberikan apa-apa kelebihan kepada Tuhan kerana dia Maha Kaya dan Maha Mengetahui segalanya. Sebaliknya perjanjian ini dipersetujui untuk memberikan hak keistimewaan kepada hambanya dalam bentuk ganjaran yang kompleks dan tidak terbatas. Perolehan daripada perjanjian ini merangkumi semua aspek yang mendukung kesenangan dan kesejahteraan ummah Islam. Oleh sebab itu, pemurnian daripada pemahaman Dato' Yusoff Zaky Jacob ini cuba meletakkan identiti agama Islam ini sebagai wajar untuk membiarkan pembaca majalah *Pengasuh* mengetahui dengan sebaik mungkin bahawa agama Islam itu adalah ad-din (الدين) (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2020) dan bersifat makmur dan masyhur sekiranya memahami serta melaksanakan amar makruf nahi mungkar. Pertalian hubungan Allah S.W.T dengan manusia lebih dekat-Nya (Al-Baqarah 2:186), maka pada hemat Dato' Yusoff Zaky Jacob secara jelas telah memberikan gambaran bahawa seruan menunaikan solat lima waktu ini tidak terbatas dengan penyembahan kepada monoteisme sahaja,

sebaliknya menghindarkan diri daripada dikaburi dengan berhala psikologis yang menjurus kepada pemilikan harta dan kekayaan. Hal ini turut dikemukakan oleh Ali Shariati sebagai perbezaan kepada jalan untuk mentauhidkan Tuhan yang Maha Esa tanpa meletakkan diri dengan bentuk nilai material yang mampu membebaskan iktikad ummah Islam terutamanya masyarakat Melayu pada ketika itu. (Ali Shariati 2016).

Pada naratif ini, prinsip kesatuan yang dijelaskan oleh Dato' Yusoff Zaky Jacob ini bersandarkan kepada rukun agama yang diperlihatkan menerusi seruan azan ini (Yusoff Zaky Jacob 1977a). Dato' Yusoff Zaky Jacob bijak dalam mengisi ruang pemikiran melibatkan persoalan ketuhanan, secara jelas penulisan ini banyak membantu para pembaca majalah *Pengasuh* dalam memahami struktur agama Islam dengan lebih lancar. Penerapan prinsip kesatuan dalam konteks penulisan majalah *Pengasuh* ini sememangnya dapat memberikan suatu dimensi kepada pembaca dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya di Kelantan. Prinsip kesatuan inilah yang ingin diterapkan oleh Dato' Yusoff Zaky Jacob sebagaimana daripada yang dipelajarinya daripada ketokohan Tok Kenali semasa hayatnya. Kesatuan adalah salah satu nilai moral yang begitu tinggi perlu diterapkan dalam konteks kehidupan bertamadun (Ali Shariati 2016).

Maka prinsip jelas untuk memupuk semangat kebersamaan dalam kesatuan sosial masyarakat Melayu di Kelantan. Seruan solat ini dizahirkan oleh perbuatan dan kefahaman ummah Islam semasa melaksanakannya. Maka salah satu kaedah untuk menghindarkan daripada berhala psikologis adalah dengan menunaikan solat. Prinsip dalam seruan azan yang dititipkan oleh Allah S.W.T ini adalah lebih tersusun aturan-Nya, sekiranya dibandingkan dengan prinsip idealisme yang terdapat dalam mana-mana aliran pemikiran. Penyaksian prinsip pertama kepada zat Tuhan yang Maha Esa diiringi dengan lafaz syahadah sebagai ikrar taat setia dan mematuhi segala amar makruf dan seterusnya kepada lafaz pengakuan bahawa Nabi Muhammad ﷺ adalah pesuruh Allah S.W.T. Susunan hierarki ini jelas menggambarkan kedudukan umat Islam adalah sama rata. Perkara ini telah ditetapkan sebaik sahaja bergelar muslim. Prinsip kesatuan dan kebersamaan inilah yang mendorong Dato' Yusoff Zaky Jacob untuk mengamati dengan sebaik mungkin walaupun pada perkara solat sahaja. Namun bagi Dato' Yusoff Zaky Jacob, beranggapan bahawa pemahaman asas dalam kalangan masyarakat Melayu sekadar praktik

dan hanya perintah daripada Tuhan samata-mata. Walau bagaimanapun, agama Islam sebenarnya mudah untuk difahami dengan memberi penekanan dalam soal kesatuan sosial kepada masyarakat Melayu khususnya pembaca majalah *Pengasuh*. Arus kemodenan yang dinikmati oleh masyarakat Melayu ini bersifat sementara, maka delegasi pemikiran ini disambung kembali oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob dengan menyunting sedikit peranan kesatuan sosial dalam penulisannya yang bersifat abstrak dan memerlukan pemahaman yang khusus berkenaan Islam (Yusoff Zaky Yacob 1977a). Perkara ini juga dijelaskan dalam syarahan Ali Shariati sebagai asas dalam memahami agama Islam seperti demikian:

“Apakah iainya? Pangkatmu? Kemasyhuranmu? Kedudukanmu? Pekerjaanmu? Kekayaanmu? Rumahmu? Kebunmu? Keretamu? Kekasihmu? Keluargamu? Pengetahuanmu? Pangkatmu? Aku sama sekali tidak tahu. Hanya kamu yang sedar tentangnya... daku hanya boleh memberikan tanda-tandanya. Apa jua yang melemahkanmu dalam urusan keagamaan. Apa saja yang menghela dan menyekatmu dalam pergerakanmu. Apa saja yang yang menyusupkan keraguan kepada tanggungjawabmu”

(Ali Shariati 2016).

Agama lawan agama ini merupakan suatu sentimen yang sukar untuk dibendung walaupun adanya kitab al-Quran. Namun, masih terdapat perpecahan kepada beberapa aliran seperti Syiah, Khawarij dan Ahli Sunni waljamaah. Pecahan aliran inilah yang memaksa kepada Dato' Yusoff Zaky Yacob untuk memurnikan kembali fahaman Islam yang sebenar. Kesatuan sosial juga menekankan kepada prinsip perjuangan sama rata sama rasa, yang mana salah satu daripadanya adalah mengenai pemilikan ruang dan waktu. Pemberhalaan secara psikologi ini sudah mula dikembangkan oleh aliran *feudaliseme* dan *kapitalisme*, maka pada hemat Ali Shariati berpandangan bahawa pemikiran *narsisisme* ini amat berbahaya sekiranya diterapkan dalam komuniti masyarakat Melayu dan penganut agama Islam khususnya, aliran pemikiran ini dapat mengakibatkan berlakunya penindasan sosial secara berlebih-lebihan yang mampu memecahbelahkan perpaduan dan hubungan silaturahhim antara satu sama lain (Ali Shariati 2016). Pemikiran ini mampu melahirkan suatu gaya kebebasan sosial tanpa batasan yang menjurus kepada asuhan dan pembentukan pemikiran yang berbeza mengikut ruang sosial dan ekonomi. Naratif ini adalah bentuk pemikiran untuk memberikan pengiktirafan kepada individu dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi doktrin *narsisisme*. Pemikiran ini

adalah gambaran kepada pemujaan dan kecanduan mereka kepada sosialis secara berlebih-lebihan. Bahkan penerapan agama Islam memungkinan akan terjadinya perpecahan dalam kesatuan kerana adanya perbezaan yang ketara.

Oleh hal yang demikian, tegasan inilah yang membentuk kepada kesedaran terhadap Islam dan mengapa Dato' Yusoff Zaky Yacob lebih memberikan kesedaran kesatuan sosial menerusi pendekatan agama Islam. Kesatuan sosial adalah salah satu saluran yang mempunyai jiwa dan spiritual penyatuan sepertimana dianjurkan oleh agama Islam, maka wajarlah kesatuan sosial ini dibentuk secara zahir menerusi bidang penulisan kerana pendukung asas kesatuan sosial adalah dengan memberikan kepercayaan kepada ummah-Nya. Maka wajarlah dalam menjalankan fungsi kenabian ini tidak juga dipopularkan dalam kalangan ulama sahaja, kebenaran Islam pada ketika mempunyai pasang surut alirannya. Kesatuan sosial dalam agama Islam ini adalah penawar kepada masyarakat Melayu Kelantan, dan dengan adanya penulisan mengenai ilmu pengetahuan Islam menerusi majalah *Pengasuh*. Maka pada hemat Dato' Yusoff Zaky Yacob cuba menjelaskan kembali bahawa kesedaran kesatuan sosial ini adalah bersandarkan kepada bentuk ruang dan sosial dalam majalah *Pengasuh*, sebagai tempat perjuangan untuk memurnikan kembali fahaman Islam dengan sebenar-benarnya kepada masyarakat Melayu Kelantan. Agama Islam adalah legitimasi yang telah diperkukuhkan dengan seruan Tuhan menerusi kitab Al-Quran dan hadis. Keadaan ini mampu menjadi lebih ekstrem lagi dengan adanya perbezaan strata sosial dalam komuniti masyarakat Melayu di Kelantan apabila naratif ini dijadikan suatu bentuk amalan yang baharu untuk cuba diketengahkan oleh generasi muda sekarang.

Justeru, agama Islam menuntut untuk adanya batasan dalam kesatuan sosial dan kesenjangan dalam ekonomi, kerana legitimasi agama Islam bukan berdasarkan kepada kecanduan mereka pada agama namun agama Islam itu adalah sebagai lambang keabsahan dalam memaparkan identiti sebagai seorang muslim dan hamba-Nya (Ali Shariati 2016). Legitimasi agama telah memberikan bentuk dan ajaran dalam mengawal selia sebarang bentuk kelas sosial secara ekstrem. Agama Islam juga bertindak sebagai penjaga yang tidak kelihatan atau *guardian of invisible*, dimana agama Islam itu adalah undang-undang, legislatif dan kehakiman sama seperti dengan wilayah yang merdeka. Agama

Islam tidak terbatas dalam ruang lingkup mandala atau pengaruhnya secara langsung. Kesatuan sosial Islam yang sebenarnya adalah pengiktirafan yang diterima oleh umat Islam dengan cara sama rata dan sama rasa. Inilah bentuk agama Islam, memurnikan penganutnya dengan hak sama rata melalui prinsip ad-din (آدين), maka kebersamaan sosial ini dapat dikekalkan dalam bentuk yang seadanya. Sekiranya dibandingkan dengan peradaban tamadun dunia semasa zaman arab jahiliah, maka dengan adanya kedatangan agama Islam ini telah menjadikan madinah sebagai lambang kesamarataan sosial tanpa adanya perbezaan mengikut ras kaum dan pangkat dunia secara langsung.

Inilah agama Islam yang menentang kepada sistem hierarki seperti *coloseum* di Itali. Maka perbezaan inilah yang membangkitkan mengapa pentingnya agama Islam kepada umat Islam dan perlu disebarluaskan kepada masyarakat Melayu Kelantan dengan sebaik-baiknya. Perbandingan kesatuan sosial di Eropah pada abad ke-15 inilah sebagai suatu kedangkalan bagi golongan anarki katolik dengan meletakkan agama sebagai cagaran untuk mendapatkan keuntungan yang sama seperti *Das Kapital* (Marx 1867). Pemikiran sebegini telah disebar oleh golongan paderi gereja katolik yang mana banyak menetapkan dan menentukan keseimbangan menerusi sistem perundangan Eropah semasa berlakunya zaman gelap pada abad ke-15. Pemberontakan sosial di Eropah ini telah dicetuskan oleh golongan gereja Katolik yang berkuasa dalam urusan perundangan (Marx 1867), maka di sini situasi menang-menang tidak dapat dilaksanakan malah kesatuan sosial antara golongan agama dan masyarakat Eropah pada ketika itu menjadi rapuh disebabkan sistem *kapitalisme* ini yang telah mendorong mereka untuk berbuat demikian. Perkembangan idealisme yang diperjuangkan oleh Karl Marx dan Friederich Engels menjelaskan rantaian kelas sosial telah membebankan kesatuan sosial seperti mana yang telah dijelaskan seperti demikian

*“The material force of production in society come to conflict with the existing relations of production or what is but a legal expression of the same thing with the property relation within which they have been at work before”*

(Marx and Engels)

Kesatuan dan kesamarataan sosial ini secara jelas diperalatkan menerusi penguasaan dalam bentuk ekonomi, maka satu penjelasan mengenai naratif sosial ini sudah diperlihatkan dengan

histografi yang membebankan, tentang bagaimana ekonomi ini dipergunakan oleh gereja katolik dalam menguasai kesatuan sosial masyarakat Eropah. Perbandingan ini telah menjelaskan tentang agama lawan agama, sentimen manusia selalu berbeza-beza mengikut akal budi mereka. Dua agama samawi besar ini adalah membawa satu doktrin yang sama, Kristian pada asalnya menuntut untuk mengesakan tuhan yang satu sama juga dengan agama Islam, sebaliknya perbezaan yang paling ketara adalah pemahaman dan tindakan penganutnya. Agama lawan agama ini sudah dibezakan dengan iktikad, maka mengapa perlunya strata sosial dalam agama Islam, perkara ini akan memburukkan lagi ketaqwaan mereka kepada tuhan. Dato' Yusoff Zaky Yacob tidak menginginkan saudaranya terjebak dengan perbezaan sosial yang naif. Maka itulah gunanya fungsi kenabian yang telah disebarluaskan pengetahuannya melalui majalah *Pengasuh*. Majalah ini tidak ekstrem seperti yang didakwa aliran Kaum Tua, majalah ini mendukung kepada fahaman reformis terhadap pemikiran. Aliran pemikiran masyarakat Melayu sering turun naik mengikut dekad atau abad, daripada pensejarahan Sulalatus Salatin sehingga majalah *Pengasuh*, ada sahaja pertanyaan tentang agama. Bukan kerana mereka umat islam itu tidak tahu beragama, berkemungkinan mereka dangkal untuk mempelajari benda yang sudah lama tetapi dibezakan mengikut adat, pemikiran dan cara pemerintahan (Shellabear 2016). Perbezaan inilah yang membawa kepada perubahan mengapa adanya agama lawan agama, perbezaan dicekikan kepada iktikad mereka, ada yang beraliran sehinggakan Islam itu terpecah kepada banyak bahagian. Kedangkalan ini yang membawa kepada perpecahan, pentauhidan agama Islam ini telah dibezakan mengikut *niche* masing-masing. Idea dan agama bagi mereka ini sering diperalatkan dengan kesatuan sosial, pentingnya majalah *Pengasuh* di Kelantan pada ketika itu adalah untuk menyebarkan fahaman Islam kepada masyarakat Melayu dalam usaha menyatukan kesatuan sosial menerusi ajaran agama Islam. Dato' Yusoff Zaky Yacob bukan sekadar menilai agama Islam dari segi penghayatan terhadap kesatuan sosial, ada juga penerangannya menjurus kepada seruan untuk lebih berhati-hati dengan kesatuan sosial. Tidak salah mempunyai rantaian kesatuan sosial yang banyak, akan tetapi, masyarakat Melayu amnya sebagai umat Islam dibatasi dengan perjanjian agama. Perjanjian ini melibatkan iktikad sebagai seorang muslim, bukan sahaja mendukung kepada ucapan dua kalimah

syahadah namun umat Islam wajib mengetahui apa bezanya kesatuan sosial Islam dan kesatuan sosial yang menyesatkan. Dato' Yusoff Zaky Yacob juga menyebarkan tentang perjanjian manusia dengan Allah, persoalan yang melibatkan iktikad dan cara kehidupan beragama juga dinyatakan untuk memperhalusi naratif sosial umat Islam sepertimana demikian

“kita jangan meletakkan harapan yang begitu besar kepada manusia-manusia materialis dan ateis untuk menerima dakwah Islam atau untuk mengikut kabila kita para mukminin, kerana sentimen-sentimen murni dan hati nurani yang dapat melihat dan mengucap nilai rohaniah itu telah membatu dalam diri mereka, malah lebih keras dari batu lagi. Hakikat ini adalah satu hakikat abadi yang berlaku bukan sahaja di zaman Rasulullah ﷺ malah berlaku di semua zaman hingga hari kiamat. Kepada orang-orang yang telah memilih pendirian yang degil membatu itu ucapkan sahaja kepada mereka slogan kebiasaan akidah yang di isytiharkan oleh al-Quran “**Lakum dinukum Waliyaadin**” kamu tetap dengan ugamamu dan aku tetap dengan ugamaku”

(Dato' Yusoff Zaky Yacob 1977)

Dato' Yusuf Zaky Yaacob memberi penegasan mengenai kedudukan dan pengharapan umat Islam khususnya masyarakat Melayu dan kepada aliran *freethinker* yang secara terang-terangan menidakkan kebenaran dan kewujudan agama Islam dalam kesatuan sosial kehidupan bertamadun. Maka penegasan ini juga adalah satu pesanan daripada Tuhan tentang bahayanya sekiranya seseorang manusia itu berfikir mengikut akal budi mereka sendiri. Penjelasan ini bukan sahaja telah disyariatkan oleh yang Maha Esa, namun ahli akademik seperti Zainal Abidin bin Ahmad juga telah mengeluarkan kenyataan begini dengan lebih awal menerusi majalah *Pengasuh* pada tahun 1919 (Patriot 1919) dengan meletakkan leteran terhadap agama Islam sebagai asas permulaan bagi mengajar kepada mereka yang naif mengenai kewajaran memilih pihak yang baik dan jahat. Sekiranya masyarakat Melayu meletakkan jaminan kepada perubahan iktikad ini, maka wajarlah mereka mengetahui mengenai perbezaan iktikad yang telah diletakkan dalam jiwanya sendiri. Setiap pemikiran dan wacana ini adalah hasil daripada pemerhatian dan kepercayaan mereka sendiri terhadap adanya Tuhan dengan perubahan ruang dan masa yang terdapat di sekeliling mereka. Adanya perbezaan ini disebabkan oleh naratif penyampaian mengenai agama sama ada Islam dan Kristian menerusi ruang kesatuan sosial dan bentuk risalah yang telah dibaca baik dalam mendukung kepada fahaman beragama atau sebaliknya.

Penolakan golongan *freethinker* terhadap kepercayaan beragama ini adalah disebabkan oleh penguasaan gereja katolik secara berlebihan yang mendukung kepada penentangan kesatuan sosial bersandarkan agama. Hal inilah yang diperjuangkan oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob tentang bagaimana agama Islam dapat memberikan panduan mengenai kesatuan sosial secara langsung tanpa menidakkan kepentingan mereka sebagai penganut agama (Dato' Yusoff Zaky Yacob 1977b). Berbeza dengan aliran katolik yang meletakkan golongan agama sebagai pelopor agama yang sama seperti *borjuis*, adanya pecahan sosial yang sangat ketara untuk dibezakan tentang bagaimana agama Kristian ini berjalan, adakah dengan meletakkan hierarki sebagai lambang tauhid kepada Tuhan, maka inilah naratif-naratif naif yang dikembangkan oleh ahli katolik kepada penganut mereka.

Kesedaran untuk meletakkan tauhid menerusi iktikad ini adalah sebagai suatu lambang perjanjian spiritual antara tuhan dengan manusia menerusi amalan beribadat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Maka fungsi kenabian ini semestinya diteruskan mengikut kaedah yang bersesuaian dengan ruang, masa dan sosial masyarakat Melayu. Pada hemat Dato' Yusoff Zaky Yacob, penyebaran agama Islam menerusi majalah *Pengasuh* adalah suatu kaedah yang paling berkesan pada ketika itu. Oleh kerana adanya majalah *Pengasuh*, maka fungsi kenabian ini wajar dijalankan mengikut laras bahasa dan tingkat kesedaran masyarakat Melayu mengenai agama Islam. Sebagaimana firman Tuhan telah dijelaskan mengenai kewajipan menuntut ilmu ini tidak seharusnya digalurkan dalam suatu asas seperti agama, wajarlah dikembangkan kepada ilmu-ilmu pengetahuan seperti kemanusiaan, tanaman dan pertukangan. Islam tidak menuntut umatnya untuk sentiasa berdamping dengan agama, namun Islam menuntut kepada umatnya untuk merubah naratif sosial menerusi kaedah Islam sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran seperti demikian

“kata-kata umpamaan itu Kami perbuatkan bagi manusia dan yang boleh menangkap maksudnya dengan akal mereka tiada lain melainkan orang-orang yang berilmu sahaja”

(al-Ankabut 29:43)

Secara jelas Tuhan telah berfirman mengenai setiap keadaan yang ada di dunia mestilah difikirkan dan diambil kira segala aspek pembangunan dan kemanusiaan ini bersandarkan kepada agama Islam. Inilah pendukung kepada kestabilan sosial bagi umat Islam, akal fikiran dan tindakan adalah suatu

bentuk simbiosis yang selari tanpa meniadakan kepentingan umatnya. Kesatuan adalah ikatan sosial dengan mendukung kepada kebersamaan kesatuan sosial yang berteraskan agama Islam. Dalam masa yang sama, Dato' Yusoff Zaky Yacob juga memberi peringatan kepada pembacanya bahawa sekiranya berlaku kepada penolakan dan kepercayaan terhadap Islam, maka wajarlah mereka memberi penegasan bahawa agama Islam adalah agama yang bertolak ansur dan tidak memberi paksaan secara keras terhadap mereka untuk menyembah Tuhan yang Maha Esa.

#### KESATUAN MENERUSI IDEA PENDIDIKAN

Pendidikan adalah asas kepada penyatuan bagi setiap doktrin pemikiran terutamanya pendidikan yang berteraskan agama Islam. Dato' Yusoff Zaky Yacob mengambil inisiatif dengan meletakkan pendidikan sebagai alat kepada penyatuan masyarakat Melayu di Kelantan. Elemen pendidikan dan majalah *Pengasuh* adalah suatu kontrak sosial yang telah dibentuk semenjak penubuhan majalah ini lagi pada tahun 1918 (Dato' Seri Paduka Raja Kelantan 1918). Keabsahannya sudah diperakukan oleh pembaca dan pelanggannya, maka kelebihan ini menjadi sandaran kepada Dato' Yusoff Zaky Yacob untuk mengukuhkan lagi ketaatan mereka kepada majalah *Pengasuh* menerusi elemen pendidikan yang cuba dibentuk olehnya. Dato' Yusoff Zaky Yacob telah mengadakan suatu risalah yang bertajuk "Menuju Jambatan Allah" dengan setiap daripada edisi penerbitannya akan diselitkan unsur-unsur kesedaran kesatuan sosial mengenai pendidikan.

"Kini surah al-Fatihah yang menjadi bacaan pokok dalam setiap rakaat sembahyang telah selesai dikumandangkan ugama kemudian ia akhir dengan ucapan "amin", ucapan itu serentak disambut oleh kita para makmum dengan nada yang lantang dan mengharukan hati yang beriman. Amin bererti "Ya Allah kabulkan permohonan kami" yakni kita beramai-ramai dengan nada yang serentak dan lantang mengatakan permohonan akur permintaan agung kita"

(Dato' Yusoff Zaky Yacob 1977c)

Kesatuan adalah jalan utama untuk mewujudkan kesepakatan dalam kalangan masyarakat Melayu. Kesedaran mengenai kesepakatan ini dijernihkan kembali oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob bersandarkan kepada pendidikan secara tidak langsung hal ini akan memberikan suatu naratif bahawa solat telah menjadikan setiap mukalaf adalah sama di sisi Tuhannya. Teguhnya agama Islam ini bukan disebabkan oleh cara solat itu sendiri, perkara ini

telah diperkukuhkan terus daripada Tuhan yang Maha Esa bahawa setiap permohonan ini mestilah disertakan dengan kerjasama supaya tiada yang merasa dipinggirkan dengan sistem sosial yang sedia ada.

Daripada kenyataan ini dapat dijelaskan bahawa inisiatif daripada al-Quran ini adalah sebagai pemangkin kepada kesetiaan umatnya untuk bersatu secara saksama. Maka, kesedaran mengenai Islam yang ingin diutarakan Dato' Yusoff Zaky Yacob adalah manusia hanya dapat bersatu dalam solat dengan saf yang sama tanpa mengira latar belakang dan sosioekonomi. Namun dalam masa yang sama, kesatuan sosial dibiarkan sebaik sahaja selesai jemaah dan kembali kepada perbezaan yang sedia ada. Secara harafiahnya, agama Islam dan kesatuan sosial amat berkait rapat dengan keteguhan iktikad dan keyakinan yang menjadikan seseorang itu patuh akan syariat yang telah ditetapkan untuknya.

Persoalan ketuhanan adalah abstrak, manusia mempunyai Tuhan dan kerana keyakinan ini sahaja tidak cukup untuk menunjukkan nilai kesatuan yang diserukan oleh Tuhan, adanya perbezaan dalam psikologi manusia yang menyebabkan keadaan ini akan sentiasa dibezakan. Berhala psikologi adalah salah satu masalah yang paling ketara dalam kalangan masyarakat Melayu, oleh kerana itu Tuhan telah memberikan suatu ketetapan supaya hambanya sentiasa akur dan menjalankan kehidupan secara sederhana. Keupayaan masyarakat Melayu melihat dari segi perspektif yang hanya terdapat dalam kesatuan sosial sahaja. Apa yang membezakan naratif ini adalah bukan suatu ketentuan akan tetapi kehendak yang menyalurkan kepada rasional untuk berfikir mengapa adanya Tuhan, mengapa dunia diciptakan dan bukankah kita patut menjadi hamba Tuhan daripada menjadi hamba berhala psikologis. Persoalan ini untuk semua yang berfikir, namun untuk memberikan jawapan secara kritis pada hakikat-Nya mengikut kearifan tuhan ini memerlukan masa yang lama kerana pada suatu keadaan inilah tujuan utama Tuhan menciptakan akal. Pada dasarnya akal ini sentiasa memikirkan hal yang remeh-temeh tetapi tidak berupaya memberikan ulasan dan hujahan yang baik terhadap persoalan mengenai kewujudan-Nya. Maka pada hemat Dato' Yusoff Zaky Yacob, berkehendakkan dengan izin-Nya dapatlah dihuraikan mengapa perlunya kesedaran kepada agama menerusi penulisan majalah *Pengasuh* tentang kebenaran Islam dan lahiriah keadaan manusia kepada Tuhan yang sebenarnya. Kitaran masa ini hanya diketahui oleh Tuhan bila dan mengapa

terjadinya suatu perkara sedemikian, kerana putaran yang dibalikkan dari segi penafian kepada agama ini sudah berlaku sebelum nabi terakhir dilahirkan iaitu Nabi Muhamad ﷺ. Peristiwa ini telah dijelaskan oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob mengenai perihal bani Israel pada suatu ketika seperti demikian

“umat Israel adalah satu umat luar biasa yang ceroboh dan suka mengada-ngada, satu umat manja, loba dan ketwat yang tidak pernah puas hati dan tidak tahu berterima kasih. Mereka telah melakukan berbagai tindak tanduk penyelewengan yang menyulitkan Nabi Musa A.S, maka tidaklah dihairan mengapa zuriat bani Israel di zaman dakwah Muhammad ﷺ telah melakukan tindakan-tindakan penyelewengan yang sama terhadap Nabi Muhammad dan umat muslimin sehingga ke zaman moden ini”

(Dato' Yusoff Zaky Yacob 1977)

Naratif ini menjelaskan tentang perilaku bani Isreal yang sentiasa menunjukkan ciri-ciri *narcisisme* dalam kesatuan sosial kehidupan masyarakatnya. Penentangan terhadap nilai-nilai murni ini tidak hanya kepada kesatuan sosial malah kepada penentangan dalam penyebaran agama Islam. Persoalan tentang keberadaan akal yang menjadi asbab utama mereka *kufir* kepada tuhan. *Kufir* bermaksud untuk menutup atau menanam. Sebagaimana yang dapat dijelaskann dalam pertanian, benih ditanam dan ditimbus dengan tanah. Analogi ini sama seperti *kufir*, dalam jiwa manusia, telah tertanam kebenaran namun dengan sebab-sebab tertentu, kebenaran ini ditutup oleh bidai kejahilan, pentingkan diri, niat jahat, semua ini dipanggil *kufir* (Ali Shariati 2016).

Inilah keadaan yang memaksa bani Israel ini tuhur dengan pemahaman ketuhanan walaupun sudah mengetahui dengan sebenarnya tentang kewujudan tuhan. Penafian inilah yang ditegah oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob sebagai suatu ingatan bahawa *narcisisme* ini adalah kecelakaan sosial yang paling banyak dilakukan oleh masyarakat Melayu. Aspek ketuhanan dan keyakinan ini menjadi suatu diplomasi yang diutuskan oleh Tuhan yang Maha Bijaksana kepada hambanya untuk berdamai dan bekerjasama tanpa mengira latar belakang sosial. Tuhan mencela kepada naratif-naratif seperti *narcisisme* yang menjadikan lapisan manusia ini dibezakan secara fizikal melalui harta dan pangkat mahupun kerohanian yang melibatkan iktikad seseorang kepada Tuhannya. Bani Israel adalah suatu analogi daripada Tuhan yang sentiasa ingkar dan angkuh terhadap mengagungkan kekuasaan-Nya secara lahiriah sebagai seorang manusia. Keberadaan iktikad dan pegangan terhadap agama

Islam seharusnya tidak dibeza-bezakan oleh kerana fungsi agama Islam ini adalah sebagai leluhur kemuliaan dan ketertinggian yang dimasyhurkan oleh Tuhan sebagai suatu ketaatan kepada hambanya. Dalam masa yang sama, Dato' Yusoff Zaky Yacob juga menjelaskan bahawa Tuhan yang Maha Esa pernah menjelaskan bahawa bani Israel pernah dipilih oleh Tuhan untuk memegang agama Allah sepertimana demikian

“umat Israel di zaman Persia telah dipilih Allah untuk memegang pimpinan agama Allah, tetapi mereka tidak mengerti menghargai pemberian Allah yang Maha Besar itu mereka dididik Allah dibelantara supaya mereka menjadi pejuang-pejuang dakwah yang gigih dan menafikan kesenangan dunia, tetapi mereka tidak dapat membiasakan jiwa mereka dari angan-angan kebendaan dan mencapai kemahuan hidup dengan cara yang mudah dan mereka terus melakukan berbagai-bagai penipuan dan pemalsuan dalam agama untuk mendapat faedah-faedah dunia hingga akhirnya mereka dipecat dari pimpinan agama Allah dan diserahkan pimpinan itu kepada umat Muhamad ﷺ”

(Dato' Yusoff Zaky Yacob 1977)

Secara lahiriahnya, agama Islam telah memberikan suatu panduan kepada semua penganutnya yang terdahulu termasuklah kepada bani Israel sebagai salah satu bangsa pilihan Tuhan. Mengapa dan kenapa bani Israel ini dipilih adalah kerana untuk memberikan pengajaran dan didikan, bahawa jaminan dan kesenangan yang akan diperolehi daripada Tuhan yang Maha Esa mestilah disertakan ketaatan dan kepatuhan terhadap ketertinggian agama Islam. Maka daripada naratif ini, pada hemat Dato' Yusoff Zaky Yacob cuba menjelaskan tentang keberadaan *narcisisme* yang mana menjadi pendukung utama kepada bani Isreal dalam menikmati kesenangan di dunia tanpa menghiraukan kepada kepatuhan kehidupan beragama. Dalam masa yang sama juga, perjanjian antara Tuhan dengan bani Israel ini telah diterjemahkan dalam situasi menang-menang apabila perjanjian ini telah memberikan kelebihan kepada mereka dalam mentadbir dan menyampaikan dakwah kepada umatnya. Namun, kelebihan yang diberikan oleh Allah S.W.T ini tidak dapat dimanfaatkan oleh mereka secara saksama bila mana perjanjian ini telah disalah tafsir untuk kepentingan mereka sendiri dengan meletakkan kelebihan sebagai pemegang amanah untuk menyeleweng agama Islam secara berlebih-lebihan.

Maka daripada peristiwa ini, pada hemat Dato' Yusoff Zaky Yacob cuba membuat analogi berkenaan dengan ketaatan dan taat setia terhadap agama tanpa meletakkan *narcicsisme* sebagai iktikad kepada

kehidupan beragama mahupun dalam konteks sosial. Dalam masa yang sama, naratif ini cuba dibentuk dalam pemikiran masyarakat Melayu Kelantan menerusi edaran majalah *Pengasuh*. Penerbitan majalah *Pengasuh* ini merupakan salah satu usaha sama yang dikembangkan antara Majlis agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dengan Dato' Yusoff Zaky Yacob, membolehkan pemikiran dan doktrinisasi dapat dibentuk dengan lebih mudah walaupun perlu mengambil masa yang lama untuk menerangkan setiap maksud dan arahan yang disyariatkan oleh agama Islam. Pendekatan ini merupakan salah satu kaedah yang paling berkesan bila mana kesedaran ini ditujukan terus kepada pembaca khususnya masyarakat Melayu di Kelantan.

Walaupun pada pertengahan 1930-an sudah ada masalah yang melibatkan isu agama seperti perjudian dan loteri, maka dengan adanya majalah *Pengasuh* membolehkan idea untuk pendidikan dapat disebarkan secara tidak langsung kepada masyarakat Melayu. Idea pendidikan pada hemat Dato' Yusoff Zaky Yacob ini tidak semestinya bersandarkan kepada pendidikan formal sahaja, namun ianya mestilah menggunakan semua rangkaian komunikasi supaya dapat disebarluaskan mengenai syariat agama Islam dengan sebaik mungkin. Secara jelas, bahawa idea pendidikan menerusi majalah *Pengasuh* ini merupakan salah satu kaedah yang telah digunakan oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob pada ketika itu sebagai kesinambungan daripada pemula seperti Tok Kenali dan Majlis agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam memastikan agama Islam terus terpelihara serta dalam masa yang sama mendapat pengajaran daripada kisah para nabi dan umatnya yang terdahulu.

### KESIMPULAN

Secara lahiriahnya, keberadaan agama Islam telah menjadikan umatnya dihormati dengan tatacara yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T. Ketaatan dan kepatuhan terhadap agama Islam menjadi pemangkin kepada umatnya untuk sentiasa berhubung pada setiap zaman menerusi peristiwa yang telah dicatatkan dalam al-Quran dan hadis. Maka, daripada catatan ini membolehkan Dato'

Yusuff Zaky Yacob mengamati setiap peristiwa dan ingatan yang telah dinukilkan menerusi majalah *Pengasuh*. Naratif ini dinukilkan oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob bagi memberi kelebihan kepada majalah *Pengasuh* dan pembacanya dalam menghayati seruan agama Islam dengan sebenarnya. Tok Kenali telah memberikan panduan dalam menyebarkan pengetahuan agama Islam dan berjaya menyeru kepada masyarakat Melayu Kelantan untuk bersatu dan merubah iktikad kepada kesatuan bila mana teras inilah yang merupakan asas kepada perjuangan Tok Kenali dan majalah *Pengasuh* pada awal dekad 1920-an. Kesinambungan daripada itu, telah memberikan kesedaran inkuiri kepada Dato' Yusoff Zaky Yacob dalam menilai kembali ruangan dalam majalah untuk mengisi kembali dengan keluhuran agama Islam menerusi analogi dan penjelasan kesatuan sosial berdasarkan agama Islam. Dato' Yusoff Zaky Yacob secara naratifnya dapat memberikan pandangan dan membentuk suatu pemikiran Islah menerusi kesatuan sosial berdasarkan kepada ruang dan waktu pada ketika itu. Keberadaan majalah *Pengasuh* juga menjadi asbab utama kepada sokongan pembacanya walaupun dekad 1970-an merupakan zaman pasca kemerdekaan, namun inilah naratif yang ingin mestilah disampaikan, perjuangan terhadap agama Islam metilah sentiasa dikemaskini mengikut peredaran zaman dan perkembangan teknologi agar penghayatan terhadap agama Islam akan sentiasa dapat disampaikan dengan sebaiknya.

### RUJUKAN

- Al- 'Ankabut, 29:43.  
 Al- Maidah 5:16  
 Al-Baqarah, 2:186  
 Al-Fatihah, 1:4.  
 Ali Shariati. 2017. *Agama Lawan Agama*, Terjemahan Ahmad Nabil Amir. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.  
 Dato' Seri Paduka Raja Kelantan, Ucapan, *Pengasuh* :1  
 Dato' Yusoff Zaky Yacob, 1977a. Menuju Jambatan Allah. *Pengasuh* Jan: 49.  
 Dato' Yusoff Zaky Yacob. 1977b. Perjanjian, Alasan Manusia dengan Allah. *Pengasuh* : 30.  
 Dato' Yusoff Zaky Yacob. 1977c. Menuju Jambatan Allah. *Pengasuh* : 26.  
 Dato' Yusoff Zaky Yacob. 1977d. Keimanan Sejati. *Pengasuh* : 30.  
 Dato' Yusoff Zaky Yacob. 1975. Tok Kenali Dalam Kenangan. *Pengasuh*: 16.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2020. Memelihara Kesucian Agama Islam. *Harian Metro*, 20

Mohamad Firdaus Mohamad  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Besut  
Emel: Firdausmohamadd97@gmail.com

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Ph.D  
Profesor  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak  
Emel: drkuzaki@unisza.edu.my

Ruhaizan Sulaiman @Abdul Rahim, Ph.D  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak  
Emel: ruhaizan@unisza.edu.my

Grimm, J. 1973. *The Reformation Era 1500-1650*. 2<sup>nd</sup> edition. New York: Mac Milan.

Kassim Ahmad. 1986. *Penilaian Semula Hadis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marx, K. & Engels, F. 2019. The communist manifesto. In *Ideals and Ideologies*, edited by Samuel H. Beer, Harvard University, Appleton Century Crofts, Ins. New York : IX.

Marx. 1867. *Capital: A Critique of Political Economy*. Volume I, Progress Publisher Moscow. USSR :52.

Mohd. Safar Hashim. 2012. *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*. Penerbit Universiti Malaya.

Patriot. 1919 Kewajiban Berpengetahuan Ugama. *Pengasuh* April :4.

Shellabear, W.G 2016. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tok Kenali. 1918. Seruan. *Pengasuh* : 3-4.

Yusoff Zaky Yacob. 1975. Haji Abdullah Tahar dalam Kenangan. *Pengasuh* : 37.